



Tarmidi (dua dari kanan) bergambar bersama Mohd Zulkifli (kanan) dan pemenang Kuiz Perakaunan Peringkat Terengganu 2008.

STH 14/08/08 pg. T20

# Program ilmu uji kebijaksanaan pelajar

■ SYED MU'AZ SYED PUTRA

**KUALA NERUS** - Penglibatan pelajar dalam program yang berbentuk ilmu dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran berfikir sekali gus mendedahkan pelbagai ilmu pengetahuan.

Ketua Unit Ko Kurikulum Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT), Tarmidi Sidek berkata, dengan menyertai program yang berbentuk keilmuan ia secara tidak langsung membantu pelajar untuk meningkat-

kan keyakinan diri terutamanya ketika berhadapan dengan khailayak.

"Menerusi program berbentuk keilmuan, banyak faedah dan matfaat yang akan diperolehi pelajar terutamanya aspek ilmu pengetahuan dan keyakinan diri.

"Selain itu, program sedemikian dapat menguji kebijaksanaan dan kepantasan pelajar dalam menyelesaikan soalan atau masalah yang diberikan dalam tempoh masa yang singkat," katanya ketika merasmikan Majlis

Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Kuiz Perakaunan Peringkat Terengganu 2008 yang diadakan di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Sementara itu, Ketua Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UMT, Dr Mohd Zulkifli Mokhtar, berkata program itu diadakan untuk meningkatkan minat dan kesedaran pelajar terhadap pengetahuan dalam bidang perakaunan.

"Program ini mendedahkan

pelajar dengan ilmu dan isu semasa bidang perakaunan agar dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

"Ia juga secara tidak langsung dapat menanamkan sifat persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar dalam usaha menuntut ilmu perakaunan," katanya.

Katanya, program ini dapat memberi pengalaman kepada pelajar untuk melibatkan diri dengan pihak luar selain dapat menguji dan memperkukuhkan kemahiran pelajar.